


Apa itu Asma?

Asma merupakan sejenis penyakit melibatkan saluran pernafasan. Seseorang yang menghidap penyakit asma mempunyai salur pernafasan yang '*hyperresponsive*' atau dalam erti kata lain, terlebih sensitif. Apabila terdedah kepada sesetengah faktor pencetus, saluran pernafasan menjadi sensitif, dan bertindakbalas dengan penghasilan lendir atau '*mucus*' dan otot-otot saluran pernafasan mengecut, '*bronchoconstriction*'. Ini menyebabkan saluran pernafasan menjadi sempit dan seterusnya mengakibatkan susah atau sesak nafas. Asma tidak boleh berjangkit tetapi boleh diwarisi.

Cara Penggunaan Metered Dose Inhaler (MDI)



MDI terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu

- Kanister iaitu tempat simpanan ubat
- Actuator iaitu mekanisme bagi semburan ubat ke dalam rongga pernafasan


Berikut merupakan teknik menggunakan MDI

1. Duduk atau berada dalam keadaan tegak
2. Buka penutup *mouthpiece* MDI dan pegang MDI dalam posisi menegak
3. Goncang MDI sebanyak 3-5 kali bagi memastikan kandungan kanister bercampur
4. Hembus nafas keluar dengan perlahan
5. Masukkan corong (*mouthpiece*) MDI ke dalam mulut dan bibir dirapatkan
6. Tekan Kanister dan tarik nafas dalam secara serentak
7. Tahan nafas sekurang-nya selama 4 hingga 10 saat

8. Keluarkan MDI dari mulut dan hembus nafas keluar

9. Tutup semula penutup corong inhaler

*****Ulangi langkah 3 hingga 8 sekiranya lebih daripada 1 sedutan diperlukan.**



Maklumat tambahan:

Selepas menggunakan sebarang jenis inhaler yang mengandungi ubat steroid seperti *Budesonide*, *Fluticasone* etc., pesakit dinasihatkan untuk berkumur-kumur menggunakan air paip untuk membilas mulut daripada ubat steroid ini yang berkebolehan menyebabkan jangkitan kulat di dalam mulut.

Inhaler pencegah asma yang mengandungi ubatan seperti *Budesonide*, *Fluticasone*, *Beclometasone* dan lain-lain ubat steroid tidak dapat memberikan kelegaan jika serangan asma datang. Jadi, ia tidak sesuai digunakan untuk melegakan serangan asma. Guna inhaler pelega ketika diserang asma.

Jika pesakit menggunakan inhaler pelega (*Ventolin/Asthalin* mengandungi ubat *Salbutamol*) tetapi tidak mendapatkan kelegaan setelah 2 sedut dilakukan, pesakit dibenarkan mengulang mengambil 2 sedut lagi selepas 4 minit berlalu semenjak sedutan kedua untuk kali pertama tadi. Langkah mengulang 2 sedutan setelah setiap 4 minit boleh diulang sebanyak 3 kali. Jika pesakit masih mengalami masalah pernafasan, eloklah dibawa pesakit berjumpa doktor secepat mungkin.